

<b>Headline</b>	<b>Perjanjian program Symbiosis MTDC, IPT</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Harian Metro</b>		
<b>Date</b>	<b>09 Oct 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Black/white</b>
<b>Section</b>	<b>Bisnes</b>	<b>Circulation</b>	<b>324,097</b>
<b>Page No</b>	<b>55</b>	<b>Readership</b>	<b>1,981,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>108 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 2,218</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 6,654</b>



# Perjanjian program Symbiosis MTDC, IPT

**Serdang:** Malaysia Technology Development Corporation (MTDC) dijangka akan menandatangani perjanjian untuk program Symbiosis dengan dua lagi institusi pengajian tinggi (IPT) sebelum penghujung tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Norhalim Yunus berkata, melalui program berkenaan pihaknya turut menjangkakan penubuhan sehingga 30 syarikat permulaan yang membabitkan kira-kira 90 usahawan.

"Selain pembabitan IPT kami juga akan menjalin kerjasama dengan Universiti Malaysia Perlis (Uni-MAP) dan Pihak berkuasa Pelaksanaan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCIA) melalui program Symbiosis yang memberi tumpuan kepada penghasilan produk inovasi berkaitan pembangunan wilayah koridor

utara," katanya.

Sejak diperkenalkan pada 2008, MTDC berjaya menujuhkan lima kumpulan Symbiosis iaitu Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) - MTDC Symbiosis, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) - MTDC Symbiosis, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) - MTDC Symbiosis, Universiti Putra Malaysia (UPM) - MTDC Symbiosis dan NCIA - MTDC - Universiti Sains Malaysia (USM) Symbiosis.

Secara keseluruhan, 47 syarikat ditubuhkan melalui program berkenaan bagi mengkomersialkan 47 teknologi yang dihasilkan daripada universiti dan pusat penyelidikan terpilih.

Menurutnya, pihaknya juga sedang dalam proses untuk meningkatkan jumlah syarikat yang menjana pendapatan sehingga RM100 juta mulai tahun depan.

**FAKTA**  
Program berkenaan menjangkakan penubuhan 30 syarikat permulaan membabitkan 90 usahawan